

## KHUTBAH JUMAAT

**“MENGURUS PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL DENGAN BIJAK”**  
(28 November 2025M/ 7 Jamadilakhir 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Isilah masa kita dengan perkara yang bermanfaat serta amal kebaikan. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberkati setiap detik usia kita dan mereka yang tersayang.

Berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan diri daripada segala tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti menggunakan telefon, berbual-bual dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Mengurus Penggunaan Teknologi Digital Dengan Bijak”**.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pernahkah kita melihat rekod penggunaan telefon pintar kita? Setiap hari gajet merekodkan berapa jam masa yang kita habiskan dengannya. Persoalannya ialah berapa banyak masa lapang kita telah dicuri oleh skrin gajet seperti telefon, tablet atau komputer? Dan berapa pula masa yang benar-benar kita gunakan untuk mengingat Allah *subhanahu wata'ala*, membaca al-Quran, mempelajari hadis Nabi *sallallahu alaihi wasallam* dan menambah ilmu agama yang meningkatkan ibadah kita?

Kita semua sedar bahawa gajet digital mempunyai dua sisi iaitu boleh membawa kebaikan, tetapi juga boleh menjadi punca kelalaian. Pada zaman ini, kita sangat bergantung kepada gajet untuk bekerja, belajar, berniaga dan berhubung. Inilah ujian besar umat akhir zaman iaitu bagaimana kita mengawal teknologi yang sentiasa berada di tangan kita.

Khutbah ini bukan mengajak kita meninggalkan gajet, kerana Islam tidak menolak kemajuan. Islam menuntut kita hidup seimbang, bijaksana dan menjaga hati. Kita tetap perlu memanfaatkan teknologi dalam urusan harian. Namun, Islam mengingatkan kita supaya menguruskan kemudahan ini dengan disiplin dan tujuan yang betul. Jika tidak, ia mudah menjadi kelalaian yang menjauhkan kita daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Maka, gunakanlah teknologi mengikut ajaran Allah *subhanahu wata'ala* dan sunnah Rasulullah

*sallallahu alaihi wasallam* agar ia menjadi alat kebaikan, bukan sebab kerugian kita di akhirat.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ankabut, ayat 64:

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ ۚ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ ۚ  
لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ (٦٤)

**Maksudnya:** *Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).*

Ayat tadi mengingatkan kita bahawa dunia ini sementara dan penuh perkara yang menghiburkan tetapi mudah melalaikan. Jika tidak dikawal, ia boleh menjauhkan kita daripada tujuan hidup sebagai hamba Allah. Pada zaman ini, peringatan ini sangat tepat dengan hiburan digital seperti permainan, media sosial, video dan kebiasaan melihat skrin tanpa henti. Bila bosan, kita terus berpindah ke kandungan lain, hingga tidak sedar masa berlalu begitu sahaja. Inilah hakikat dunia yang Allah *subhanahu wata'ala* ingatkan iaitu jika tidak dikawal ia menjadi permainan yang melalaikan dan merugikan kita di dunia dan di akhirat.

**Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Terdapat **tiga langkah** penting bagi menguruskan penggunaan gajet digital dengan lebih baik iaitu:

**Pertama: Berwaspada terhadap penggunaan masa lapang.**

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda, diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Ibn ‘Abbas *radiallahu anhu*:

(( نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ ))

**Maksudnya:** *Dua nikmat yang kebanyakan manusia lalai terhadapnya: kesihatan dan masa lapang.*

Kesihatan dan masa lapang ialah nikmat besar yang sering kita abaikan. Pada hari ini, masa lapang kita dicuri perlahan-lahan oleh skrin kerana kita menatap gajet tanpa sedar berapa banyak masa berlalu.

Berwaspada bermaksud kita lebih sedar dan lebih mengawal masa yang dihabiskan di hadapan skrin. Latih diri menjauhi kandungan yang tidak sihat atau sia-sia, terutamanya ketika menghampiri masa ibadah, ketika belajar, bekerja atau ketika bersama keluarga. Begitu juga ketika melintas jalan, memasuki tandas, atau sebelum tidur sehingga mengganggu rehat dan kesihatan kita.

## **Kedua: Menggunakan teknologi untuk pembangunan diri.**

Gajet boleh menjadi alat yang mengukuhkan ilmu dan kerohanian. Banyak aplikasi dan platform digital yang membantu kita mempelajari al-Quran, hadis, kuliah agama dan ilmu fardu ain.

Ini semua boleh menjadi wadah untuk mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala* di mana sahaja kita berada. Namun, kita perlu berhati-hati dalam menilai sumber. Tidak semua maklumat dalam talian adalah sahih termasuk teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI). Teknologi ini boleh membantu, tetapi tidak dapat menggantikan kefahaman, hikmah dan bimbingan guru agama. Oleh itu, teknologi digunakan sebagai alat, tetapi guru agama tetap menjadi panduan utama.

## **Ketiga: Menjauhi penyalahgunaan identiti tanpa nama.**

Antara bahaya terbesar dunia maya ialah ilusi “tanpa nama sebenar” iaitu perasaan bahawa kita boleh menulis apa sahaja tanpa dikenali. Ini menyebabkan sebahagian orang berani mengumpat, mencaci, menyebarkan fitnah, berita palsu dan menyakiti hati orang lain.

Kita mungkin boleh bersembunyi daripada manusia, tetapi tidak pernah boleh bersembunyi daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Setiap kata yang kita tulis, setiap komen yang kita hantarkan semuanya dicatat dalam kitab amalan kita. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 58:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدْ اَحْتَمَلُوا بُهْتَانًا  
وَإِثْمًا مُّبِينًا (٥٨)

**Maksudnya:** *Dan orang yang mengganggu serta menyakiti orang lelaki yang beriman dan orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.*

Dunia digital bukan ruang bebas tanpa akhlak. Ia adalah medan ujian. Apa yang kita lakukan di alam maya tetap dihisab di hadapan Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Setiap detik yang berlalu tidak akan kembali. Maka, isilah masa kita dengan perkara yang bermanfaat, supaya masa itu menjadi saksi yang membantu, bukannya saksi yang membebankan kita pada Hari Pembalasan. Marilah kita menghayati tiga kesimpulan utama khutbah ini iaitu:

**Pertama:** Kemajuan teknologi digital perlu dimanfaatkan dengan bijak. Teknologi bukan musuh kita. Ia adalah alat. Namun, ia hanya membawa kebaikan apabila digunakan dengan panduan agama dan akhlak.

**Kedua:** Penggunaan gajet boleh diurus dengan lebih baik antaranya dengan berwaspada agar tidak lalai dan tidak membazir masa, memanfaatkan gajet untuk pembangunan diri, menambah ilmu dan mendekatkan diri kepada Allah dan tidak menyalahgunakannya untuk menyebarkan keburukan, fitnah, kata-kata kasar atau apa sahaja yang merosakkan.

**Ketiga:** Hargai setiap detik kerana masa yang berlalu tidak akan datang kembali. Isilah ia dengan amal soleh, kebaikan dan kerja-kerja yang mendekatkan diri kita kepada Allah.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Qasas, ayat 77:

أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.  
وَأَبْتَغِ فِيمَا ءَاتٰكَ اللّٰهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۖ  
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللّٰهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللّٰهَ لَا  
يُحِبُّ الْمُفْسِدِيْنَ (٧٧)

**Maksudnya:** *Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah*

*engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita tetap istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Imam at-Tabarani *rahimahullah* meriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhum*a bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أُولَى بِهِ ))

**Maksudnya:** Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim**, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

**Ya Allah, Ya Ghaffaar**, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**Ya Allah**, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim**, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

**Ya Allah, Ya Hafiz**, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

**Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram**, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.

